

'Dapat sikit pun kena isytihar'

441 22/9/2022 11:51/2

Nelayan pantai guna lesen perlu umum hasil mereka untuk layak terima bantuan subsidi diesel

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Nelayan yang menggunakan lesen khas nelayan pantai perlu mengikuti syarat ditetapkan bagi membolehkan mereka menikmati bantuan kerajaan termasuk subsidi diesel, kata Pengarah Lembaaga Kemajuan Ikan Malaaysia (LKIM) Terengganu, Rosli Mustapha.


Katanya, ia bagi memastikan bantuan tersedia di salurkan dengan lancar selain mengelak ketirisan.

Menurutnya, golongan ini menggunakan lesen khas nelayan pantai, jadi untuk membuat perkataan 'khas' bagi membolehkan mereka mendapat lesen nelayan pantai golongan ini perlu mengikut garis panduan ditetapkan.

"Mereka perlu umum hasil tangkapan di pusat pengisytiharan hasil tangkapan di kawasan masing-masing.

"Walaupun dapat hasil sedikit misalnya satu atau dua kilogram sahaja, mereka perlu buat pengisytiharan kerana itu syarat utama.

"Pada masa sama, kami



NELAYAN pantai Kampung Nail berehat di bangsal dekat jeti.

(LKIM) tidak letakkan syarat jumlah tangkapan tertentu baru boleh buat pengisytiharan tangkapan, yang penting isytihar sahaja jumlah tangkapan," katanya.

Semalam Harian Metro melaporkan keluhan golongan nelayan pantai khas terutama di Kampung Nail, di sini, tidak memperoleh diesel subsidi dan elaua sa- ra diri.

Keadaan itu menyebab-

kan mereka ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Rosli berkata, nelayan pantai khas ibarat percu- baan, sekiranya mereka memenuhi semua syarat ditetapkan baru layak beralih kepada le- sen nelayan pantai biasa.

"Syarat- nya, perlu keluar ke



JETI Kampung Nail yang menempatkan bot gentian kaca milik nelayan.

laut dalam tempoh 120 hari dan mengisytiharkan hasil diperoleh kerajaan data yang kita (LKIM) peroleh itu di- guna Jabatan Perikanan un- tuk memperbaharui lesen nelayan khas ini.

"Jadi, kita harap nelayan berke- naan me- ngikut prosedur ditetap- kan ke-

rana bertujuan mengelak ketirisan dan penipuan, contohnya ada individu yang memberi alasan ke laut untuk mendapatkan di- esel bersubsidi, namun sebenarnya tidak berbuat de- mikian," katanya.

Katanya, jika nelayan pantai khas ini mendakwa memperoleh hasil tidak se- berapa apabila turun ke laut, mereka perlu mem- kirkkan pendekatan lain un-

tuk diambil.

"Sama ada memilih me- lakukan kerja lain buat se- mentara waktu atau mene- ruskan pekerjaan hakiki na- mun berusaha mendapatkan hasil seperti dinyatakan.

"Kita di LKIM, sentiasa terbuka membantu nelayan setempat, jika mendapati aduan kita turun ke kapa- ngan untuk membuat si- satan bagi mengenal pasti puncanya," katanya.

Nelayan perlu keluar ke laut dalam tempoh 120 hari, isytihar hasil untuk perbaharui lesen